

SUMBER AIR DAN RISIKONYA

AIR PERMUKAAN



Apakah air permukaan ?

Air permukaan ialah air yang dijumpai di atas permukaan Bumi.

CONTOH AIR PERMUKAAN



SUNGAI

AIR LAUT

TASIK


Sekiranya air di permukaan ini berkurang menyebabkan sumber bekalan air berkurang dan juga menyebabkan kemarau, Tetapi apabila berlebihan ianya akan menyebabkan berlakunya banjir.

AIR BAWAH TANAH

Bagaimana pula dengan air bawah tanah??



Air bawah tanah ialah air yang terdapat di bawah permukaan tanah atau dikenali sebagai **akuifer** yang meliputi ruang kosong antara butiran tanah sehingga aras batuan tidak telap air



AIR PERIGI

Air bawah tanah sebenarnya berasal dari air permukaan. Apabila berlakunya hujan air tersebut akan memenuhi sungai dan laut, dan selebihnya meresap ke bawah tanah memenuhi ruang-ruang antara zarah-zarah tanah menyebabkan banyak air terkumpul di bawah tanah dan membentuk akuifer.

PENCEMARAN SUMBER AIR

Sumber air yang tercemar tidak sesuai digunakan. Ianya perlu dirawat terlebih dahulu jika hendak digunakan. Punca pencemaran sumber air permukaan dan air bawah tanah adalah disebabkan oleh :

bahan buangan daripada kawasan perindustrian dan perumahan


Baja berlebihan dan racun perosak dari kawasan pertanian

Larut resap baja kimia dan racun serangga dalam bidang pertanian

Sisa bahan kimia atau industri dan domestik di tapak pelupusan sampah

LATIHAN

Rajah di bawah menunjukkan sumber air di Bumi.



1 Apakah air permukaan dan air bawah tanah? Berikan satu contoh sumber untuk setiap satu

(a) Air permukaan.

Air yang dijumpai di _____ permukaan Bumi. Contoh: _____

(b) Air bawah tanah

Air yang dijumpai di _____ permukaan Bumi. Contoh: _____

(c) Apakah pandangan anda tentang masalah yang akan timbul sekiranya kekurangan dan berlebihan air permukaan?

Kekurangan air permukaan akan menyebabkan _____ dan berlebihan air permukaan akan menyebabkan _____

2 Azman mendapati suatu sumber air tidak sesuai lagi digunakan oleh manusia seperti yang ditunjukkan dalam gambar foto di bawah.



Baja
kumbahan
racun perosak
perumahan

Apakah risiko yang dihadapi oleh sumber air di Bumi?

Pencemaran daripada bahan-bahan seperti _____ dan _____ daripada pertanian, bahan buangan daripada perindustrian, dan sampah sarap dan _____ daripada kawasan _____.